

Jenis Akhbar : *Bernama Online*

Tarikh : *15/10/2018*

Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my

Tajuk : *Virtualflex, ACO dan Angkasa tawar kad tanpa tunai, e-dompot ka\$h*

Virtualflex, ACO dan Angkasa tawar kad tanpa tunai, e-dompot ka\$h

PETALING JAYA, 15 Okt (Bernama) – Johor Corporation (JCorp), menerusi anak syarikatnya Virtualflex Sdn Bhd (Virtualflex) bersama Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) menawarkan kad tanpa tunai dan e-dompot, KA\$H Prepaid MasterCard (KA\$H), yang mempunyai pelbagai manfaat untuk penggunaanya.

Tawaran kad tanpa tunai itu dilaksanakan berasaskan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani kedua-dua pihak tersebut.

Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab JCorp, Jamaludin Md Ali berkata KA\$H telah diluluskan Bank Negara Malaysia dan Mastercard sekali gus boleh digunakan untuk pengeluaran serta pemindahan wang di dalam dan di luar negara.

Beliau berkata, penggunaanya juga berpeluang menikmati diskaun atau ganjaran tunai sehingga 15 peratus sebagai satu bentuk penjimatan, bagi pembelian barang dan perkhidmatan dengan rakan niaga terpilih seperti KFC, Ayamias, Zalora dan Lazada.

"Penggunaan KA\$H adalah mudah, cepat dan mesra pengguna. Saya yakin ia dapat menarik lebih ramai pengguna untuk menggunakan kad ini kerana ia bukan sahaja boleh digunakan untuk urusan membeli makanan dan minuman malah melakukan transaksi dalam talian serta tambah nilai prabayar yang cepat dan selamat," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani MoU itu di sini, hari ini.

Nilai prabayar kad dan e-dompot KA\$H boleh mencapai sehingga RM20,000 dan ia menawarkan ganjaran tunai setinggi 10.5 peratus di Lazada, 10 peratus di KFC dan Ayamias, 5.5 peratus di Agoda dan 50 peratus di laman sesawang Taobao.

Jamaludin berkata, MoU antara Virtualflex dan ACO juga melibatkan kerjasama bersinergi dan strategik antara kedua-dua pihak serta dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) yang mewakili gerakan koperasi terbesar di Malaysia, bagi mewujudkan konsep ekonomi pintar.

MoU Virtualflex dengan Angkasa turut ditandatangani hari ini pada majlis yang sama.

"Kemudahan ini akan memberi manfaat kepada lebih 6.5 juta anggota Angkasa dan ditawarkan kepada anggota koperasi gabungan ACO," katanya.

Mengikut MoU itu juga, Virtualflex akan memberi bimbingan kepada anggota koperasi mengenai kaedah mengendalikan sistem e-dompot sebagai satu cara pembayaran yang efisien.

Sementara itu, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata kerjasama dengan Virtualflex adalah bertepatan dengan usaha mempromosikan dan mengukuhkan sektor koperasi selain memberi kelebihan kepada anggota Angkasa.

Jenis Akhbar : *Bernama Online*
Tarikh : 15/10/2018
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my
Tajuk : *Virtuaflex, ACO dan Angkasa tawar kad tanpa tunai, e-dompot ka\$h*

"Ekonomi digital yang semakin pesat berkembang memerlukan kaedah e-pembayaran. Ia merupakan komponen kritikal yang boleh meningkatkan produktiviti anggota kami selain lebih cekap dari segi kos," katanya.

Selain itu, Abdul Fattah berkata bagi Bajet 2019, beliau memohon kerajaan menyediakan RM300 juta untuk diagihkan kepada lapan sektor di bawah Angkasa iaitu kewangan dan perbankan; kesihatan dan pelancongan; pertanian; perladangan; peruncitan dan pemborongan; hartanah; inovasi serta pusat komuniti.

"Tahun lalu kerajaan telah memberikan RM100 juta bagi memperkasakan koperasi dan sehingga 2017, koperasi telah mencapai perolehan sebanyak RM40.2 bilion. Kami menasarkankan perolehan gerakan koperasi secara menyeluruh mencapai RM50 bilion pada 2020," katanya.

-- BERNAMA